

Pengguna Facebook, Twitter Boleh Sangkal Anggapan Mereka Pemilik Berita Fitnah
Bernama
10 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Para pengguna laman rangkaian sosial seperti Facebook dan Twitter boleh menyangkal anggapan fakta bahawa mereka adalah pemilik, hos, pentadbir, editor atau sub-editor untuk penyiaran fakta berunsur fitnah melalui Internet dengan menunjukkan bukti sebaliknya, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Liew Vui Keong hari Selasa.

Beliau berkata Seksyen 114A Akta Keterangan (Pindaan) 1950 mengenai anggapan fakta dalam penyiaran membolehkan mahkamah membuat suatu anggapan fakta dalam perbicaraan kes yang melibatkan penyiaran melalui Internet setelah mahkamah berpuas hati bahawa wujud suatu fakta dan bukti yang jelas.

Katanya dalam keadaan ini, walaupun mahkamah telah memutuskan untuk menggunakan anggapan tersebut, tertuduh masih boleh menyangkal anggapan itu dengan menunjukkan bukti sebaliknya.

"Sebagai contoh, seseorang yang tidak dikenali telah mencuri kata laluan pemilik Facebook atau Twitter itu dan menyiarkan kata-kata yang bersifat fitnah serta menjatuhkan maruah seseorang yang disegani masyarakat.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679512>